

BANK ISLAM



Akaun Al Awfar

Laporan Prestasi Dana Bagi Suku Tahunan
Berakhir 30 Jun 2016

Akaun Al Awfar

Laporan Prestasi Dana Bagi Suku Tahunan Berakhir 30 Jun 2016

1.0 Maklumat Utama Dana

Pelanggan yang Dihormati,

Tahniah kerana menjadi pemegang Akaun Al Awfar Bank Islam, iaitu akaun pelaburan (IA) yang pertama seumpamanya di bawah kontrak Mudarabah, direka untuk menawarkan pelbagai peluang memenangi hadiah wang tunai. Al Awfar diperkenalkan di dalam sistem perbankan Islam Malaysia pada bulan Jun 2015 selaras dengan pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA 2013).

Kami dengan sukacitanya membentangkan Laporan Prestasi Dana Akaun Al Awfar yang berikut bagi Suku Tahunan Berakhir 30 Jun 2016.

1.1 Nama Produk

Akaun Al Awfar (Akaun Pelaburan berasaskan Mudarabah)

1.2 Jenis Akaun Pelaburan

Akaun Pelaburan Tidak Terhad: merujuk akaun pelaburan dengan mandat diberikan kepada Bank untuk menguruskan portfolio Akaun Pembiayaan.

1.3 Objektif Pelaburan Dana

Menawarkan pelbagai peluang untuk memenangi lebih daripada RM9,000,000 hadiah wang tunai melalui cabutan bulanan, suku tahunan serta cabutan diperingkat wilayah disamping menjana keuntungan.

1.4 Strategi Pelaburan Dana

Melabur dalam aset kewangan runcit yang selamat. Pada masa ini, aset yang diperuntukkan ialah Portfolio Pembiayaan Perumahan Bank yang bertujuan untuk melindungi prinsipal.

1.5 Ciri-Ciri Akaun Pelaburan

Atas permintaan, iaitu pelabur boleh membuat pengeluaran pada bila-bila masa.

1.6 Peruntukan Aset Pelaburan

Bank akan memperuntukkan dana pelabur dalam Portfolio Pembiayaan Perumahan sedia ada yang menjana keuntungan yang stabil.

1.7 Profil Pelabur

- Kategori pelabur:
 - Individu (Pemastautin dan Bukan Pemastautin)
 - Bukan Individu (Perniagaan/Entiti lain)
- Pelabur dengan toleransi risiko yang rendah
- **Pelabur yang ingin memenangi hadiah wang tunai**

- Pelabur dengan tempoh pelaburan jangka pendek atau sederhana
- Pelabur yang memerlukan portfolio pelaburan patuh Syariah

Nota: Para pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan. Pelabur akan sentiasa terdedah kepada risiko yang berikut; risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan, risiko operasi dan risiko undang-undang. Untuk penjelasan lanjut mengenai setiap risiko, sila layari laman web Bank Islam.

1.8 Penilaian Aset Yang Diperuntukkan

Penilaian akan dijalankan setiap bulan yang merupakan sebahagian daripada proses menentukan pulangan kepada pelabur. Pulangan akaun pelaburan ini akan dipengaruhi oleh prestasi aset yang diperuntukkan. Amaun prinsipal dan pulangan tidak dijamin dan pemegang akaun pelaburan menghadapi risiko tidak mendapat sebarang pulangan. Akaun pelaburan ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

1.9 Dasar Pengagihan

Keuntungan akan diagihkan setiap bulan, tetapi keuntungan akan dikira setiap hari. Keuntungan ditentukan berdasarkan prestasi Portfolio Pembiayaan Perumahan.

1.10 Penyata Bagi Sebarang Perubahan

Tiada perubahan pada objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan dalam tempoh suku tahunan ini.

2.0 Penyata Risiko

Di Bank Islam, Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab utama untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti perniagaannya dengan menetapkan selera risiko dan tahap toleransi yang konsisten dengan objektif keseluruhan perniagaan Bank serta profil risiko yang diinginkan. Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah yang dibantu oleh Bahagian Pengurusan Risiko memastikan terdapat pengawasan yang berkesan terhadap pembangunan strategi, dasar, prosedur dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Bank.

3.0 Struktur Hadiah

Berdasarkan objektif pelaburan yang ditetapkan, pelabur layak mengambil bahagian dalam cabutan bulanan, suku tahunan dan wilayah. Oleh itu, mereka dapat menikmati pelbagai peluang untuk memenangi hadiah wang tunai seperti yang berikut:

3.1 Struktur Hadiah

Cabutan Bulanan :

Hadiah	Hadiah Wang Tunai (RM)	Bilangan Pemenang
1	100,000	1
2	10,000	1
3	1,000	20

Cabutan Suku Tahunan :

Hadiah	Hadiah Wang Tunai (RM)	Bilangan Pemenang
1	1,000,000	1
2	10,000	20

Cabutan Bulanan Wilayah :

Hadiah	Hadiah Wang Tunai (RM)	Bilangan Pemenang
1	50,000	5

Nota: Semua hadiah wang tunai disediakan oleh Bank dan tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa.

3.2 Unit Kelayakan

Setiap pelaburan bernilai RM100 berhak mendapat satu (1) unit kelayakan untuk cabutan. Walau bagaimanapun, Bank mempunyai budi bicara untuk mengkaji semula bilangan unit kelayakan dari semasa ke semasa.

3.3 Ahli Jawatankuasa Cabutan

Jawatankuasa Dalaman	Jawatankuasa Luar
Bahagian Syariah	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Bahagian Pengurusan Risiko	Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM)

3.4 Pemenang Cabutan Hadiah Al-Awfar bagi Suku Tahunan Berakhir 30 Jun 2016

Cabutan Bulanan:

Bulan	Hadiah	Hadiah Wang Tunai (RM)	Pemenang
April	1	100,000	Wan Hafsah Binti Haron
	2	10,000	Noramila Binti Omar
	3	1,000	*20
Mei	1	100,000	Lamsiah Binti Ahmad
	2	10,000	Mohd Elmy Ismail Bin Abdul Samad
	3	1,000	*20
Jun	1	100,000	Muhammad Husnul Fathi Bin Zakaria
	2	10,000	Asma Binti Mohd Rizal
	3	1,000	*20

Cabutan Suku Tahunan:

Hadiah	Hadiah Wang Tunai (RM)	Pemenang
1	1,000,000	Mohd Ghazali Bin Mohd Noor
2	10,000	*20

Cabutan Bulanan Wilayah:

Bulan	Hadiah	Hadiah Wang Tunai (RM)	Pemenang
April	1	50,000	<ul style="list-style-type: none"> Shaniah Binti Abd Rani Abu Hassan Bin Abu Bakar Abdul Aziz Bin Redwan Janipa Hana Binti Madiah Fazillah Hamzah
Mei	1	50,000	<ul style="list-style-type: none"> Hamiyaton Binti Sulaiman Shuid Bin Abdul Rahman Nor Ainah Binti Ahmad Ab Rashid Bin Yunus Tunku Aidayuhanna Binti Raja Mafuzin
Jun	1	50,000	<ul style="list-style-type: none"> Noor Indalinna Binti Mohd Nor Zainal Bin Mohamad Najmah Binti Mohamed Sidek Salina Binti Mustaman Kassim Bin Yunus

Dari bulan April hingga Jun 2016, seramai 103 pelanggan telah memenangi hadiah wang tunai Al Awfar.

* Sila rujuk laman web untuk senarai penuh pemenang

4.0 Prestasi Dana

4.1 Prestasi bagi Suku Tahunan Berakhir 30 Jun 2016

Tempoh	Kedudukan 2016	Saiz Dana RM'000	Pulangan Aset (ROA) %	Nisbah Perkongsian Keuntungan (Pelanggan: Bank)	Pulangan Pelaburan (ROI) %
16 Apr 16 – 15 Mei 16	Mac	691,170	6.57	2 : 98	0.13
16 Mei 16 - 15 Jun 16	April	870,176	6.74	2 : 98	0.13
16 Jun 16 - 15 Jul 16	Mei	922,685	6.58	2 : 98	0.13
16 Jul 16 - 15 Ogos 16	Jun	988,712	6.56	2 : 98	0.13

4.2 Peruntukan Aset

Portfolio Pembiayaan Perumahan

5.0 Pembayaran Keuntungan

5.1 Penyata Untung & Rugi


AKAUN AL AWFAR			
Penyata Untung & Rugi Bagi Suku Tahunan Berakhir 30 Jun 2016			
	April 2016	Mei 2016	Jun 2016
	RM'000	RM'000	RM'000
Keuntungan Daripada Pembiayaan	4,790	5,192	5,239
Perbelanjaan Langsung*	-	-	-
Elaun Bagi Penjejasan Pembiayaan	(116)	(104)	(104)
Keuntungan Bersih	4,674	5,088	5,135
Pulangan Aset	6.74%	6.58%	6.56%
Pulangan Pelaburan	0.13%	0.13%	0.13%

* Perbelanjaan boleh dikenal pasti, boleh diukur dan perlu ditanggung untuk melengkapkan aktiviti pelaburan tertentu (termasuk pembiayaan).

Nota: Keuntungan adalah berdasarkan prestasi Portfolio Pembiayaan Perumahan.


5.2 Kajian Portfolio Pembiayaan Perumahan Setakat 30 Jun 2016

Portfolio Pembiayaan Perumahan Mengikut Lokasi di Malaysia




Sebanyak 40.8% daripada jumlah Portfolio Pembiayaan Perumahan adalah dari wilayah Tengah. Ini menunjukkan pembiayaan kami lebih tertumpu kepada kawasan maju seperti Lembah Klang.

Portfolio Pembiayaan Perumahan Mengikut Baki Tempoh Matang Kemudahan



Sebahagian besar daripada Portfolio Pembiayaan Perumahan mempunyai tempoh matang lebih daripada 15 tahun. Ini akan memastikan kestabilan dalam aliran keuntungan kami yang dapat memberikan manfaat kepada profil pulangan pelaburan terutamanya untuk pelabur jangka panjang.

Kualiti Aset



Portfolio pembiayaan terjejas yang rendah menunjukkan kualiti asset yang kukuh

6.0 Tinjauan dan Prospek Ekonomi

Tinjauan ekonomi menunjukkan prospek pertumbuhan semakin mencabar akibat daripada sentimen yang lemah dikalangan para peniaga serta pengguna yang mana ia akan memberi kesan kepada permintaan domestik. Sektor luaran juga menunjukkan suasana yang tidak menentu berikutan referendum di UK pada 23 Jun yang lalu serta suasana kadar faedah di Amerika Syarikat yang mampu menentukan halatuju pertumbuhan ekonomi diperingkat global. Peningkatan kos operasi perniagaan seperti polisi gaji minimum, harga gas, harga besi, harga minyak serta kadar levi bagi pekerja asing juga memberi kesan kepada ekonomi domestik terutamanya dari sudut margin keuntungan. Perkara ini akan menyebabkan para peniaga akan lebih berhati-hati terutamanya dari sudut perbelanjaan modal dan pengambilan pekerja bagi menjamin keuntungan perniagaan. Walaubagaimanapun, matawang ringgit Malaysia yang menyusut berbanding matawang utama dunia dijangka menyokong pertumbuhan eksport negara. Di samping itu pihak Bank Negara Malaysia (BNM) dilihat mempunyai fleksibiliti untuk merangsang pertumbuhan ekonomi melalui pengurangan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR). Pada 13 haribulan Julai, pihak BNM telah pun mengurangkan OPR sebanyak 25 mata asas daripada 3.25% kepada 3.00% dan SRR telah pun diturunkan pada bulan Februari sebanyak 50 mata asas kepada 3.50%. Di samping itu pengurangan kadar caruman KWSP bahagian pekerja daripada 11 peratus kepada 8 peratus pada bulan Mac yang lalu dilihat mampu untuk menyokong perbelanjaan para pengguna. Oleh yang demikian, KDNK negara dijangka akan mencatatkan pertumbuhan sekitar 4 hingga 4.5 peratus pada tahun 2016 berikutan kestabilan di dalam pertumbuhan ekonomi domestik disamping berhadapan dengan ketidakpastian sektor luaran.

7.0 Tinjauan Pasaran Hartanah

Berdasarkan Laporan awal Pasaran Hartanah terkini yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), nilai transaksi pasaran hartanah menurun sebanyak 18% dari tahun ke tahun kepada RM32.0 bilion pada Q1'2016. Pertumbuhan negatif dalam nilai transaksi adalah konsisten dengan bilangan transaksi yang menurun sebanyak 14% kepada 80,029 unit pada suku pertama tahun ini. Untuk rumah kediaman mampu milik, penurunan bilangan dan nilai transaksi adalah pada kadar sederhana. Nilai transaksi bagi hartanah di bawah RM500,000 merosot 11% dari tahun ke tahun berbanding dengan kejatuhan 23% untuk hartanah bernilai RM500,000-RM1.0 juta dan penurunan 20% untuk hartanah bernilai RM1.0 juta ke atas. Pasaran hartanah yang lemah juga menyaksikan jumlah pelancaran baru bagi hartanah kediaman jatuh kepada 3,847 unit pada Q1'2016 dari 9,258 unit pada suku sebelumnya. Ini merupakan penurunan sebanyak 58.4% pada suku ke suku dan 75.6% berbanding dengan pelancaran di 1Q'2015 (15,738 unit). Harga rumah antara RM150,001 - RM200,000 dan RM300,000 - RM400,000 merupakan penyumbang terbesar dengan pelancaran baharu masing-masing pada 1,119 unit (29.1% daripada keseluruhan) dan 1,087 unit (28.3% daripada keseluruhan). Pasaran hartanah di Lembah Klang dijangka kekal lemah dalam jangka pendek. Walau bagaimanapun, ekonomi – dan dengan perluasan - pasaran hartanah dijangka pulih secara beransur-ansur kesan daripada perbelanjaan kerajaan ke atas projek infrastruktur mega serta pengenalan kerajaan kepada langkah-langkah penstabilan pertumbuhan yang mula menampakkan hasil. Pembukaan tiga lagi stesen di 'LRT Kelana Jaya Line Extension' -Puchong Perdana, Puchong Prima dan Putra Heights-pada akhir bulan Jun 2016 akan menyediakan akses yang baik ke kawasan ini. Pada awalnya, lapan stesen baharu telah dibuka di sepanjang 'LRT Sri Petaling Line' yang juga berakhir di stesen Putra Height. Pembinaan projek infrastruktur yang berterusan bagi pengangkutan awam di Lembah Klang seperti 'LRT Sri Petaling Line, LRT Kelana Jaya Extension Line, MRT SBK Line, MRT SBP Line, BRT Sunway, BRT KL-Klang, Sungai Besi – Ulu Kelang Elevated Expressway (SUKE), Damansara – Shah Alam Expressway (DASH) and Eastern Klang Valley Expressway (EKVE)' bukan sahaja meningkatkan nilai hartanah yang sedia ada tetapi juga akan menjadi pemangkin kepada pembangunan berteraskan pengangkutan di sepanjang penajajaran dan dalam persekitaran laluan LRT.

Disediakan oleh:
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

“LAPORAN PRESTASI DANA INI DISEDIAKAN SEMATA-MATA UNTUK MANFAAT PEMEGANG AKAUN PELABURAN DAN TIDAK BOLEH DISALIN, DIPETIK ATAU DIRUJUK SECARA KESELURUHAN ATAU SEBAHAGIANNYA TANPA KEBENARAN BERTULIS BANK ISLAM TERLEBIH DAHULU. BANK ISLAM TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS SESIAPA SAHAJA SELAIN PIHAK YANG DIKENAL PASTI DALAM LAPORAN PRESTASI DANA INI BAGI MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DALAM DOKUMEN INI”